

DATE: 12/3/2008

2

Rabu
12 Mac 2008

NASIONAL

BH PILIH 2A 12 (emel)

Akhbar Dunia

Berita Harian

■ Singapura

Kubur lama

TIGA rakan yang meredah hutan untuk mencari artifak lama secara tidak sengaja menemui tanah perkuburan bertarikh 1866 di le-reng bukit berdekatan Mount Faber, baru-baru ini. Kawasan itu dipercayai kampung lama yang dihuni penduduk yang dikatakan berasal dari Marang, Terengganu, sehingga kawasan itu kini dina-

Abdullah kembali bertugas sebagai Perdana Menteri

PUTRAJAYA: Sehari selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam kembali bertugas di Pejabat Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Sehingga petang ini, difahamkan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), masih berada di pejabat

untuk bertemu beberapa pemimpin Badan Perhubungan BN dan Umno negeri yang mahu mendapatkan nasihat berhubung senarai barisan anggota Exco masing-masing.

Antara pemimpin negeri terbabit ialah Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Shahidan Kassim serta Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Sumber memberitahu, Abdul Ghani dan Shahidan dikatakan menemui Perdana Menteri untuk mendapat-

kan pandangan Abdullah berhubung senarai Exco negeri.

Kelmarin, Abdul Ghani dilaporkan akan mengadap Sultan Johor untuk mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar bagi penggal keempat kerajaan BN seawal-awalnya akhir minggu ini.

Sementara itu, Shahidan dijangka kekal sebagai Menteri Besar Perlis untuk penggal keempat selepas menang DUN Tambun Tulang.

"Shahidan mungkin kekal Menteri

Besar Perlis kerana kejayaan mengekalkan majoriti dua pertiga untuk membentuk kerajaan BN, walaupun sebelum ini berlaku sedikit pergolakan dalaman dalam parti sebelum pilihan raya umum diadakan," kata satu sumber.

Difahamkan, Perdana Menteri akan mengumumkan senarai anggota Kabinet baru awal minggu depan berikutan kemenangan BN yang memperoleh 140 kerusi Parlimen berbanding 82 pembangkang.

BH - 12/3/2008